

## Suruhanjaya perlu buat laporan pakatan bida projek

**Butterworth:** Suruhanjaya Persewaan Malaysia (MyCC) perlu melaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkaitan komplot bidaan projek kerajaan hingga menyebabkan ketirisan dana awam.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata laporan sama juga boleh dibuat kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) kerana MyCC adalah di

bawah seliaan Kementerian itu.

Katanya, tindakan juga perlu diambil ke atas kartel membatikan kumpulan kontraktor yang cuba mengawal harga supaya memihak kepada syarikat mereka, sekali gus mewujudkan persaingan tidak sihat di pasaran dalam negara.

“Mana-mana bidaan perlu ikut anggaran supaya ia lebih sepadan atau sama dengan harga pasaran, tetapi tindakan perlu di-

ambil ke atas mana-mana pihak jika berlaku penyelewengan.

“Kebiasaannya kita ada *value engineering* (kejuruteraan nilai) untuk pastikan harga munasabah dan dalam hal ini mereka (pihak kejuruteraan nilai) harus lakukan (untuk pastikan harga tidak melambung),” katanya pada sidang media di sini, semalam.

*BH Ahad* dalam laporan eksklusif semalam mendedahkan, se-

kurang-kurangnya 10 projek kerajaan bernilai jutaan ringgit kini disiasat MyCC kerana kontraktor memenangi tender itu disyaki berkomplot dalam proses bidaan.

Siasatan itu dibuat susulan aduan dan maklumat diterima MyCC mengenai taktik kontraktor dan pembekal yang membentuk komplot dalam pakatan untuk membuatkan sesuatu nilai kontrak itu menjadi tinggi.

